



سُكَّانُ كِبَغْسَاانُ بْرُونِي دَارُالسَّالَامِ
SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM


SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM

7-14 November 2026



ISI KANDUNGAN

1. NAMA	1
2. PENGANJURAN	1
3. TARIKH	1
4. KONTINJEN	1
5. JENIS SUKAN	2
6. PENYERTAAN	3
7. KELAYAKAN ATLET	3
8. PENDAFTARAN DAN AKREDITASI	4
9. BILANGAN PEGAWAI DAN ATLET	5
10. PERATURAN PERTANDINGAN	6
11. BANTAHAN	6
12. JAWATANKUASA RAYUAN	6
13. PERUBATAN DAN ANTI-DOPING	6
14. ETIKA DAN DISIPLIN	7
15. PINGAT, ANUGERAH DAN KEDUDUKAN KONTINJEN	8
16. MAJLIS RASMI	8
17. PERKARA-PERKARA AM	9



**PERATURAN AM
SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM (SKBD)
KALI KE-V, 2026**

1. NAMA

- 1.1. Kejohanan ini dinamakan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Kali Ke-V, 2026.

2. PENGANJURAN

- 2.1. Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan, agensi-agensi kerajaan serta pihak-pihak berkepentingan.
- 2.2. Bagi maksud penganjuran, satu Jawatankuasa Tertinggi SKBD akan ditubuhkan bagi menentukan dasar, hala tuju dan keputusan berkaitan temasya.
- 2.3. Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab terhadap semua perkara berkaitan pertandingan, penyertaan atlet, peraturan pertandingan dan kelayakan.
- 2.4. Jawatankuasa Kerja SKBD bertanggungjawab merancang, menyelaraskan dan melaksanakan keseluruhan pengelolaan temasya.
- 2.5. Jabatan Belia dan Sukan selaku penganjur berhak membuat sebarang pindaan terhadap Peraturan Am ini dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tertinggi SKBD.

3. TARIKH

- 3.1. SKBD Ke-V akan diadakan pada **7 hingga 14 November 2026.**

4. KONTINJEN

- 4.1. Sebanyak tujuh (7) Kontinjen dalam negeri dijemput untuk menyertai SKBD seperti berikut:
 - 4.1.1. Kontinjen Daerah Brunei dan Muara
 - 4.1.2. Kontinjen Daerah Belait
 - 4.1.3. Kontinjen Daerah Tutong
 - 4.1.4. Kontinjen Daerah Temburong
 - 4.1.5. Kontinjen Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
 - 4.1.6. Kontinjen Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei
 - 4.1.7. Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam

- 4.2. Majlis Sukan Jemputan (jika diluluskan)
- 4.2.1. Sabah
- 4.2.2. Sarawak
- 4.2.3. Labuan
- 4.3. Jawatankuasa Penganjur berhak menentukan penyertaan mana-mana kontinjen jemputan.

5. JENIS SUKAN

- 5.1. Sebanyak **10 jenis sukan** akan dipertandingkan seperti berikut:

BIL	ACARA	KELAYAKAN UMUR	VENUE PERTANDINGAN
Wajib			
1	Akuatik (L/W)	Terbuka	Kolam Renang, KSNHB
2	Badminton (L/W)	U21	Dewan Kompleks Sukan Tutong
3	Bolasepak (L)	U20	Padang Balapan KSNHB Kompleks Sukan Berakas Kompleks Sukan Tutong Kompleks Sukan Temburong Stadium Negara Hassanal Bolkiah
4	Futsal (L)	U20	Stadium Tertutup, KSNHB
5	Karate (L/W)	Terbuka	Dewan Serbaguna, KSNHB
6	Olahraga (L/W)	Terbuka	Kompleks Sukan Temburong
Pilihan			
7	Bola Jaring (W)	Terbuka	Stadium Tertutup, KSNHB
8	Pencak Silat (L/W)	Terbuka	Dewan Serbaguna, KSNHB
9	Sepak Takraw (L)	Inter Regu, Quadrant	Kompleks Sukan Sungai Kebun
Tradisi			
10	Tarik Kalat (L)	560kg Terkumpul 720kg Terkumpul	Padang dan Balapan, KSNHB

- 5.2. Jawatankuasa Penganjur berhak menambah, mengurangkan atau membatalkan mana-mana jenis sukan atau acara tertakluk kepada penyertaan, keperluan teknikal dan keputusan Jawatankuasa Tertinggi SKBD.

6. PENYERTAAN

- 6.1. Penyertaan hendaklah dibuat **melalui kontinjen masing-masing**. Pendaftaran secara individu tidak diterima.
- 6.2. Setiap atlet hanya dibenarkan menyertai **satu (1) jenis sukan** yang dipertandingkan dan **mewakili satu (1) kontinjen sahaja**.
- 6.3. Bagi **sukan berpasukan**, pertandingan hanya akan dijalankan sekiranya disertai oleh **sekurang-kurangnya empat (4) pasukan**.
- 6.4. Bagi **acara perseorangan**, penyertaan minimum hendaklah terdiri daripada **sekurang-kurangnya empat (4) orang atlet**.
- 6.5. Atlet hanya dibenarkan menyertai acara yang didaftarkan semasa Pendaftaran Akhir Atlet (Entry by Name).
- 6.6. Penyertaan atlet dianggap sah setelah disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal SKBD.

7. KELAYAKAN ATLET

- 7.1. Hanya warganegara Negara Brunei Darussalam yang layak mewakili kontinjen dalam Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD).
- 7.2. Walau bagaimanapun, **penyertaan atlet bukan warganegara adalah dibenarkan** tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Teknikal SKBD dan **tidak melebihi dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah atlet yang didaftarkan bagi setiap kontinjen atau pasukan**, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak penganjur.
- 7.3. Had umur bagi setiap sukan adalah tertakluk kepada peraturan pertandingan masing-masing.
- 7.4. Atlet hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan bagi jenis sukan masing-masing.
- 7.5. Jawatankuasa Teknikal SKBD berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak memenuhi syarat kelayakan.
- 7.6. Jawatankuasa Teknikal SKBD berhak meminta mana-mana atlet atau kontinjen mengemukakan dokumen sokongan bagi tujuan pengesahan kelayakan penyertaan.

8. PENDAFTARAN DAN AKREDITASI

- 8.1. Setiap kontinjen hendaklah menghadapkan Pendaftaran Awal Atlet (*Entry by Number*) kepada Jawatankuasa Penganjur SKBD mengikut tarikh yang ditetapkan. Pendaftaran Awal Atlet hendaklah mengandungi bilangan atlet dan pegawai yang akan mengambil bahagian mengikut jenis sukan.
- 8.2. Semua kontinjen hendaklah menghadapkan Pendaftaran Akhir Atlet (*Entry by Name*) yang lengkap kepada Jawatankuasa Penganjur SKBD mengikut tarikh yang ditetapkan. Pendaftaran tersebut hendaklah mengandungi nama atlet dan pegawai, nombor kad pengenalan atau passport, tarikh lahir, jantina, kategori penyertaan serta maklumat lain yang diperlukan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 8.3. Semua kontinjen hendaklah menghadapkan **maklumat Akreditasi bagi semua atlet dan pegawai yang didaftarkan**, termasuk **gambar berukuran passport** serta dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan pengeluaran Pas Akreditasi Rasmi SKBD.
- 8.4. Pendaftaran Awal Atlet (*Entry by Number*), Pendaftaran Akhir Atlet (*Entry by Name*) dan Akreditasi yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan, kecuali dengan kelulusan khas Jawatankuasa Penganjur.
- 8.5. Bagi jenis sukan yang memulakan pertandingan sebelum Majlis Pembukaan Rasmi SKBD, tarikh penyerahan Pendaftaran Awal Atlet, Pendaftaran Akhir Atlet dan Akreditasi adalah tertakluk kepada jadual khas yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 8.6. Jadual pendaftaran bagi SKBD Kali Ke-V, 2026 adalah seperti berikut:

Perkara	Tarikh
Pendaftaran Awal Atlet (<i>Entry by Number</i>)	29 Ogos 2026 (Sabtu)
Pendaftaran Akhir Atlet (<i>Entry by Name</i>)	3 Oktober 2026 (Sabtu)
Penyerahan Maklumat Akreditasi	3 Oktober 2026 (Sabtu)
Delegation Registration Meeting (DRM)	10 Oktober 2026 (Sabtu)

9. BILANGAN PEGAWAI DAN ATLET

Bilangan pegawai dan atlet bagi setiap sukan ialah seperti berikut:

Bil	Sukan	Pengurus Pasukan	Jurulatih / Pegawai	Atlet	Jumlah
1	Akuatik (L)	1	1	15	33
	Akuatik (W)		1	15	
2	Badminton (L)	1	1	6	15
	Badminton (W)		1	6	
3	Bola jaring (W)	1	2	12	15
4	Bolasepak (L)	1	4	18	23
5	Futsal (L)	1	5	16	22
6	Karate (L)	1	1	18	35
	Karate (W)		1	14	
7	Olahraga (L)	1	1	60	120
	Olahraga (W)		1	57	
8	Pencak Silat (L)	1	1	52	101
	Pencak Silat (W)		1	46	
9	Sepak Takraw (L)				
	Inter regu	1	1	5	15
	Quadrant	1	1	6	
10	Tarik Kalat (L)				
	560kg Terkumpul	1	2	9	24
	720kg Terkumpul	1	2	9	
11	Ketua Kontinjen	1			1
12	Timbalan Ketua Kontinjen	2			2
13	Pegawai Kontinjen	5			5
14	Pegawai Perubatan	2			2
JUMLAH KESELURUHAN		22	27	364	413

10. PERATURAN PERTANDINGAN

10.1. Semua pertandingan hendaklah dijalankan mengikut:

- 10.1.1. Peraturan Persekutuan Antarabangsa;
- 10.1.2. Peraturan Persatuan Sukan Kebangsaan;
- 10.1.3. Peraturan Am SKBD.

10.2. Sekiranya berlaku percanggahan antara Peraturan Am ini dengan Peraturan Teknikal sesuatu sukan, maka Peraturan Teknikal sukan tersebut hendaklah diguna pakai.

11. BANTAHAN

- 11.1. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan kepada Jawatankuasa Teknikal SKBD mengikut tatacara dan tempoh masa yang ditetapkan.
- 11.2. Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **BND200.00**.
- 11.3. Wang pertaruhan akan dikembalikan sekiranya bantahan diterima. Sekiranya bantahan ditolak, wang pertaruhan tersebut akan dilucuthakkan kepada Jawatankuasa Penganjur.
- 11.4. Tiada bantahan akan diterima selepas tamat tempoh masa yang ditetapkan mengikut Peraturan Pertandingan bagi jenis sukan berkenaan.
- 11.5. Keputusan Jawatankuasa Teknikal berhubung sesuatu bantahan adalah tertakluk kepada hak rayuan mengikut Peraturan Am SKBD.
- 11.6. Bantahan terhadap keputusan pengadilan (*field of play decision*) adalah tertakluk kepada Peraturan Teknikal jenis sukan berkenaan.

12. JAWATANKUASA RAYUAN

- 12.1. Semua rayuan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Rayuan SKBD dan keputusannya adalah muktamad.

13. PERUBATAN DAN ANTI-DOPING

- 13.1. Jawatankuasa Penganjur hendaklah menyediakan perkhidmatan pertolongan cemas dan bantuan perubatan di semua venue pertandingan sepanjang penganjuran Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD).
- 13.2. Setiap kontinjen bertanggungjawab memastikan semua atlet dan pegawai berada dalam keadaan sihat serta layak menyertai pertandingan. Jawatankuasa Penganjur berhak mendapatkan pengesahan kesihatan seseorang atlet sekiranya difikirkan perlu.

- 13.3. Mana-mana atlet yang mengalami kecederaan atau masalah kesihatan semasa pertandingan hendaklah mendapatkan rawatan daripada Pegawai Perubatan yang bertugas. Pegawai Perubatan berhak mengesyorkan agar atlet tersebut tidak meneruskan penyertaan sekiranya didapati tidak selamat untuk bertanding.
- 13.4. Jawatankuasa Penganjur boleh menjalankan ujian doping ke atas mana-mana atlet pada bila-bila masa sepanjang penganjuran SKBD.
- 13.5. Semua atlet hendaklah mematuhi Peraturan Anti-Doping yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam serta mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 13.6. Atlet yang dipilih untuk menjalani ujian doping hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan ujian tersebut.
- 13.7. Mana-mana atlet yang didapati melanggar Peraturan Anti-Doping adalah tertakluk kepada tindakan tatatertib, termasuk pembatalan penyertaan, pembatalan keputusan pertandingan, penarikan pingat atau apa-apa tindakan lain sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal SKBD dan pihak berkuasa yang berkaitan.
- 13.8. Penggunaan ubat-ubatan, bahan terlarang atau kaedah yang dilarang adalah tertakluk kepada Peraturan Anti-Doping yang sedang berkuat kuasa.
- 13.9. Sebarang perkara berkaitan perubatan dan anti-doping yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Am ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal SKBD dengan mengambil kira nasihat daripada pihak berkuasa yang berkaitan.
- 13.10. Pelaksanaan program pendidikan anti-doping dan ujian doping sepanjang penganjuran SKBD, jika berkenaan, hendaklah dilaksanakan dengan kerjasama ***Brunei Darussalam Anti-Doping Committee (BDADC)***.
- 13.11. Atlet yang memerlukan penggunaan ubat atas sebab perubatan hendaklah mematuhi prosedur *Therapeutic Use Exemption* (TUE) yang ditetapkan oleh Brunei Darussalam Anti-Doping Committee (BDADC).

14. ETIKA DAN DISIPLIN

- 14.1. Semua atlet dan pegawai hendaklah menjaga nama baik kontinjen dan SKBD.
- 14.2. Dilarang melakukan sebarang perlakuan tidak beretika termasuk keganasan, gangguan, diskriminasi, penyalahgunaan media sosial atau apa-apa tindakan yang boleh mencemarkan imej kejohanan.
- 14.3. Mana-mana pelanggaran boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Teknikal atau Jawatankuasa Penganjur.

15. PINGAT, ANUGERAH DAN KEDUDUKAN KONTINJEN

- 15.1. Pingat akan dianugerahkan kepada atlet atau pasukan yang berjaya menduduki tempat pertama, kedua dan ketiga bagi setiap acara yang dipertandingkan seperti berikut:
- 15.1.1. Pingat Emas;
 - 15.1.2. Pingat Perak; dan
 - 15.1.3. Pingat Gangsa.
- 15.2. Pemberian pingat adalah berdasarkan keputusan rasmi yang disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi jenis sukan berkenaan.
- 15.3. Kedudukan keseluruhan kontinjen akan ditentukan berdasarkan jumlah pungen Pingat Emas, diikuti dengan Pingat Perak dan seterusnya Pingat Gangsa.
- 15.4. Sekiranya terdapat **dua (2) atau lebih** kontinjen memperoleh jumlah Pingat Emas yang sama, kedudukan akan ditentukan berdasarkan jumlah Pingat Perak. Sekiranya masih seri, penentuan akan dibuat berdasarkan jumlah Pingat Gangsa.
- 15.5. Kontinjen yang memperoleh kedudukan tertinggi berdasarkan kiraan pingat akan diisytiharkan sebagai Johan Keseluruhan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD).
- 15.6. Jawatankuasa Penganjur boleh menganugerahkan **Anugerah Olahragawan SKBD** dan **Anugerah Olahragawati SKBD** kepada atlet yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang temasya.
- 15.7. Pemilihan penerima Anugerah Olahragawan SKBD dan Anugerah Olahragawati SKBD adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 15.8. Keputusan Jawatankuasa Penganjur berhubung pemilihan penerima Anugerah Olahragawan SKBD dan Anugerah Olahragawati SKBD adalah muktamad.

16. MAJLIS RASMI

- 16.1. Majlis Rasmi SKBD adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkara
1	7 November 2026 (Sabtu)	Majlis Pembukaan Rasmi
2	14 November 2026 (Sabtu)	Majlis Penutupan Rasmi

- 16.2. Tarikh dan masa Majlis Rasmi adalah tertakluk kepada perubahan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Penganjur.

17. PERKARA-PERKARA AM

- 17.1. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Am ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Tertinggi SKBD dan keputusannya adalah muktamad.
- 17.2. Jawatankuasa Penganjur berhak mentafsir mana-mana peruntukan dalam Peraturan Am ini sekiranya timbul sebarang kekeliruan atau pertikaian berkaitan pelaksanaannya.